



## Kematian Nabi Kematian Pasti

**N**abi ialah insan yang diangkat oleh Allah untuk membawa risalah dakwah. Seruannya adalah agar umat manusia mentauhidkan Allah s.w.t. Firman Allah yang bermaksud: "Katakanlah bahawa saya ialah manusia seperti kamu yang diwahyukan kepada saya bahawa sesungguhnya Tuhan kamu ialah Tuhan yang satu." (Surah Fussilat 41: 6)

Satu perkara yang pasti, sebagai insan yang dijadikan, insan tidak kekal hidupnya. Insan akan mati. Ini ialah ketetapan Allah Azzawajalla. Firman Allah lagi yang bermaksud: "Setiap yang berada di atasnya adalah binasa." (Surah al-Rahman 55: 26)

Apakah yang dimaksudkan dengan kematian? Secara mudah difahami, kematian ialah perpisahan antara roh dengan jasad. Maka apabila roh berpisah dengan jasad, itulah kematian. Roh akan dibawa ke satu alam lain yang dikenali sebagai alam

barzakh. Manakala jasad badan akan disimpan dan dikebumikan atau dibakar dan sebagainya mengikut kepercayaan agama masing-masing.

Dalam doa bangun tidur, apakah yang dibaca? Kalau difikirkan dan direnungi doanya, ia satu lafaz kesyukuran kepada Allah yang telah menghidupkan kita selepas kematian kita walaupun kematian itu hanya sebentar sekitar enam atau tujuh jam. Doanya berbunyi:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا  
وَأِلَيْهِ النُّشُورُ

Maksudnya: "Segala puji bagi Allah yang telah menghidupkan kami selepas memati-kan kami dan kepada-Nya jua kembali."

### Kematian Nabi

Kematian Nabi Muhammad s.a.w. telah berlaku. Bukan sekadar Nabi Muhammad s.a.w. sahaja, bahkan para nabi dan rasul sebelumnya juga telah menemui kematian. Umat sebelum kita juga telah wujud dan mati. Firman Allah yang bermaksud: "Itulah umat yang telah berlalu." (Surah al-Baqarah 2: 134)

Nabi Muhammad s.a.w. ialah nabi yang terakhir. Tiada lagi nabi yang baru selepas

itu. Nabi Isa a.s. ialah nabi sebelum Nabi Muhammad s.a.w. Walaupun diberitakan dalam riwayat hadis bahawa Nabi Isa a.s. akan muncul semula, beliau bukanlah nabi yang baru. Semua para nabi dan rasul telah pun dibangkitkan dan diutuskan sebelum Nabi Muhammad s.a.w. Oleh sebab itu, mereka semuanya telah berlalu dan mati. Firman Allah yang bermaksud: "Dan tiada- lah Muhammad melainkan seorang rasul yang telah berlalu sebelumnya oleh para rasul. Maka apakah jika Muhammad mati atau dibunuh maka kamu semua akan berpaling ke belakang (murtad)?" (Surah Ali 'Imran 3: 144)

### Kepercayaan Bahawa Nabi Tidak Mati

Dalam peristiwa perang Uhud, umat Islam mengalami sedikit kekalahan. Dengan bilangan tentera yang sedikit, pengkhianatan golongan munafik, ketidakpatuhan sebahagian sahabat kepada arahan Nabi s.a.w. dan faktor yang lain menyumbang kepada kekalahan tersebut. Ketika perang ini ber-kecamuk, tersebar berita bahawa Nabi Muhammad s.a.w. meninggal dunia dibunuh dalam perang Uhud.

Sebelum wafat atau mati, Nabi s.a.w. mengalami sakit seperti kebiasaan orang

yang akan meninggal dunia. Keuzuran sedikit sebanyak menimpa Baginda. Akhirnya takdir Ilahi menentukan kewafatan Nabi s.a.w. pada hari Isnin.

Namun berita ini adalah satu berita yang menggemparkan. Kasih cinta yang amat mendalam kepada Nabi s.a.w. menyebabkan ada segelintir sahabat Nabi yang seolah-olah tidak boleh menerima berita kewafatan Nabi s.a.w.

Terdapat satu kisah masyhur yang berlaku dalam perang Uhud. Golongan munafik menyatakan kalau Muhammad seorang nabi, sudah tentu beliau tidak akan mati terbunuh. Namun nas al-Quran ayat 144 daripada surah Ali 'Imran menetapkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. juga akan mati. Kematian seorang nabi boleh berlaku dalam pelbagai bentuk termasuklah dibunuh dan terbunuh sebagaimana yang berlaku kepada para nabi sebelumnya.

Dalam peristiwa kewafatan Nabi s.a.w., Umar al-Khattab r.a. seolah-olah tidak boleh menerima kewafatan tersebut. Namun di sini, Abu Bakar al-Siddiq r.a. berhujah dengan nas al-Quran ini untuk membuktikan kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.

Mungkin kerana cinta agung yang amat mendalam sehingga tidak dapat menerima kematian itu. Ini adalah satu perasaan yang wujud dalam diri manusia. Ini adalah kebiasaan yang berlaku. Seorang isteri mungkin meraung melihat jasad si suami yang terbujur kaku. Seorang bapa mungkin pengsan melihat anak kesayangannya mati kelemasan. Tidak mungkin anaknya mati.

Begitulah gambaran perasaan segelintir para sahabat dalam menerima berita kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. Namun perasaan ini hanya seketika. Apabila dibentangkan di hadapan mereka firman Allah tentang kematian Nabi s.a.w., mereka mengutamakan ketaqwaan dan menerimanya dengan redha.

### Tiada Logik

Hari ini, ada segelintir kefahaman bahawa seorang guru, tuan syeikh dan sebagainya tidak mati. Dikatakan kematian itu hanya sebagai penghijrahan sementara atau ghaib seketika dan akan kembali ke dunia.

Tidakkah kepercayaan dan iktikad ini bertentangan dengan al-Quran? Ada beberapa pertentangan dengan nas al-Quran dan logik akal. Antaranya:

1. Nabi mati manakala tuan guru/tuan syeikh tidak mati atau tidak akan mati. Tidakkah ini menafikan nas al-Quran yang jelas menjelaskan bahawa setiap makhluk akan mati dan pasti mati?

2. Kalau nabi mati tetapi tuan guru/tuan syeikh tidak mati, ini bermakna maqam

kedudukan nabi lebih rendah daripada maqam kedudukan tuan guru/tuan syeikh.

3. Bagaimana tuan guru/tuan syeikh tidak mati sedangkan jasadnya dimandikan, dikafankan, disolatkan dan dikebumikan? Tidakkah ini bertentangan dengan akal fikiran yang sihat? Kalau tidak mati, jasad siapa yang diuruskan? Adakah ia makhluk jelmaan, jin atau apa sahaja?

### Kehidupan di Sisi Tuhan

Kematian di dunia tidak menafikan bahawa ada makhluk yang hidup. Akan tetapi bukanlah kehidupan itu menafikan kematian mereka. Mereka telah mati dalam erti kata bahawa roh telah berpisah daripada jasad. Namun bagi sesetengah makhluk, Allah istimewa mereka dan lebihkan mereka dengan kehidupan yang lain. Kehidupan di sisi Tuhan. Mafhum firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "Dan janganlah kamu beranggapan bahawa golongan yang terbunuh pada jalan Allah itu mati, bahkan mereka hidup. Hidup di sisi Tuhan mereka dalam keadaan mereka diberi rezeki." (Surah Ali 'Imran 3: 169)

Apakah tafsiran dalam memahami makna "hidup" dalam ayat ini? Adakah orang yang mati pada jalan Allah akan kembali ke dunia dalam jasad yang lain?

Tidak sama sekali. Dalam Islam, tiada istilah berpindahnya roh daripada satu jasad kepada jasad yang lain. Antara tafsirannya mengikut Imam Ibn Kathir: "Allah mengkhabarkan tentang golongan syuhada (mati syahid) bahawa walaupun mereka mati terbunuh di dunia ini, namun roh-roh mereka hidup diberi rezeki di alam yang kekal."

Menurut Ibn Abbas, tokoh tafsir dalam kalangan sahabat berpendapat bahawa ayat ini diwahyukan dalam kes Hamzah Ibn Abdul Mutalib dan rakan-rakannya. Pendapat yang lain menyatakan ayat ini diwahyukan dalam kes mayat-mayat perang Uhud.

Solusi yang penting untuk diiktikadkan di sini adalah bahawa setiap makhluk pasti akan mati. Kekasih Allah, Nabi Muhammad s.a.w. juga telah mati. Orang yang mati syahid juga telah mati. Namun ada kehidupan di alam yang lain di sisi Tuhan Yang Maha Hidup. **S**



**Mohd. Nidzam Abd. Kadir**

Lulusan Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kini berkhidmat sebagai pensyarah juga di UIAM. Berpengalaman menimba ilmu di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan, kemudian menyambung pelajaran di Universiti Al-Azhar dan kursus peringkat Sarjana di American Open University, Kaheerah. Aktif dalam penulisan. Lawati blog beliau, <http://nidzamkadir.blogspot.com>

## PROFIL SAHABAT

### Uthman bin Affan

Uthman bin Affan ialah khalifah Islam ketiga selepas Umar bin al-Khattab. Nama sebenarnya ialah Uthman bin Affan bin Abil 'Ash bin Umayyah bin Abdul Syams bin Abdul Manaf bin Qushai bin Kilab bin Murrah bin Ka'ab bin Luwa'i bin Ghalib bin Fihri bin Malik bin al-Nadr bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudar bin Nizar bin Ma'addu bin 'Adnan.

Uthman juga terkenal dengan gelaran **Zu al-Nurain** kerana mengahwini dua orang puteri Rasulullah s.a.w. iaitu Ruqayyah dan Ummu Kulthum. Beliau juga adalah seorang daripada sepuluh sahabat yang diberitakan akan memasuki syurga dan salah seorang daripada enam orang anggota syura.

Uthman seorang yang mempunyai rupa yang elok, lemah lembut, mempunyai janggut yang lebat, berperwatakan sedang, mempunyai tulang persendian yang besar, berbahu lebar, berambut lebat, mempunyai bentuk mulut yang bagus yang berwarna sawo matang. Dikatakan pada wajahnya terdapat bekas cacar.

Beliau seorang yang memiliki akhlak yang mulia, sangat pemalu, dermawan dan terhormat dan mendahulukan keperluan keluarga.

